

Jilid III
Bil. 27



Hari Rabu
16hb Oktober, 1985

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4693]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 4725]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (Pindaan) [Ruangan 4725]

Rang Undang-undang Kedah dan Pulau Pinang (Pengubahan Sempadan) [Ruangan 4734]

USUL:

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 4753]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S-P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J. D.P.M.S., P.C.M., A.H.N. (Sungei Siput).
- Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P. S.P.M.S. (Ulu Kelantan).
- Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Perusahaan Utama. DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.H.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Penerangan DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., JP. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- Timbalan Menteri Kesihatan, DATO 'K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN. BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.s.N.s., s.M.J. (Segamat).
- Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., p.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., Jpp. (Alor Setar).
- Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAMIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN Au How CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALJ, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- TAN SRI DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- TUAN ALIAS BIN MD, ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAKOM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).

Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).

- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
„ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
„ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
„ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
„ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupa).
„ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
„ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
„ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
„ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
„ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
„ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
„ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
„ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
„ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
„ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
„ TUAN KADOH BIN AGUNDONG (Ulu Padas).
„ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
„ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
„ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
„ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
„ DR KOH Tsu KOON (Tanjong).
„ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., JP. (Mantin).
„ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
„ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

- Yang Berhormat DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K.(Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.JL, P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).

Yang Berhormat TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (**Serian**).
DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Padang Rengas).
TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik
Pulau).
TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., JP. (Damansara).
TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
DR TAN SENG GIAW (Kepong).
TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (**Pasir Mas**).
TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S.,
K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penotong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 16hb Oktober, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)***JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN****PINJAMAN-PINJAMAN
"OFF-SHORE"****1. Tuan Ng Cheng Kuai** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar kadar faedah bagi pinjaman-pinjaman "off-shore" adalah rendah dan digemari oleh para usahawan; dan
- (b) apakah beliau akan melonggarkan sekatan-sekatan tertentu supaya para usahawan sempat menikmati pinjaman "off-shore" yang lebih menguntungkan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, kita menyedari bahawa kadar faedah bagi pinjaman-pinjaman dalam beberapa matawang asing adalah lebih rendah daripada kadar faedah yang dikenakan ke atas pinjaman-pinjaman dalam matawang ringgit.

Perbezaan kadar faedah adalah sentiasa berlaku kerana ianya menggambarkan keadaan ekonomi dan kewangan yang berbeza di antara

negara-negara. Walau bagaimanapun, terdapat faktor risiko pertukaran wang dalam pinjaman off-shore, dengan izin, oleh kerana pinjaman dalam matawang asing hendaklah dibayar batik dalam matawang asing yang berkenaan.

Perubahan dalam kadar pertukaran asing boleh menjadikan jumlah kos pinjaman dalam matawang asing itu lebih tinggi dari kos pinjaman dalam negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya sebagai satu perkara dasar, Kerajaan bersikap liberal di dalam membenarkan pinjaman-pinjaman dalam matawang asing bagi projek-projek yang boleh meninggikan daya pengeluaran negara dan khususnya yang dapat menggalakkan eksport.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri oleh kerana pinjaman off-shore ini boleh juga merugikan negara, dalam ertikata dia akan menjejaskan foreign-exchange kita, dan juga kerana kita akan mengalami kerugian kerana interest yang terpaksa dibayar. Saya hendak bertanya adakah pihak Kerajaan bercadang hendak mengawal dan mengenalkan syarat tertentu bagi bayaran balik pinjaman off-shore misalnya. Pinjaman ini hanya boleh dibayar balik dalam matawang ringgit dan tidak dalam currencies yang lain.

Yang kedua, adakah angka yang boleh menunjukkan bagaimana kedudukan pinjaman off-shore pada masa ini.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi kalau kita meminjam dalam matawang asing ianya hendaklah dibayar dalam matawang asing. Dalam perkataan-perkataan lain, kalau kita meminjam dalam matawang dollar Amerika hendaklah dibayar dalam matawang dollar Amerika.

Soal meminjam dari sumber off-shore ini di dalam satu matawang kemudian dibayar dengan matawang ringgit, tidak berlaku sekarang ini dan mungkin negara ataupun badan yang meminjamkan itu ataupun individu yang meminjamkan itu tidak mahu dibayar di dalam matawang selain daripada matawang yang digunakan sewaktu kita meminjam atau membuat pinjaman itu. Maka dengan itu cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat itu sukar untuk dipertimbangkan.

Berkenaan dengan pinjaman off-shore ataupun pinjaman yang dibuat dari luar negeri, sukalah saya memaklumkan kedudukan seperti pada 30hb Jun tahun ini berjumlah semuanya \$21,437 juta @ ataupun bersamaan \$21,437 juta walaupun pinjaman ini ada dibuat dalam berbagai-bagai matawang asing. Daripada jumlah ini pinjaman pasaran ataupun market loan ialah sebanyak \$15,286.2 juta. Pinjaman bagi projek sebanyak \$4,813.4 juta. Credit pembekal ataupun pembeli \$793.4 juta. Dan kemudahan dari IMF sebanyak \$544 juta @ ataupun bersamaan menjadikan \$21,437 juta.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan pinjaman yang didapati baharu-baharu ini sebanyak \$1.6 billion oleh Kerajaan kita, pinjaman ini untuk membayar balik faedah-faedah yang berkenaan. Saya ingin tahu secara ringkas sahaja tentang syarat atas pinjaman ini dan apakah lojiknya untuk mendapat

pinjaman yang sebegitu banyak itu dan adakah negara kita berkemampuan untuk membayar balik pinjaman yang begitu besar sebanyak \$1.6 billion baharu-baharu ini.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon notis di atas soalan ini supaya dapat kita memberikan keterangan-keterangan yang lanjut seperti yang dikehendaki.

PENYAKIT AIDS

2. Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah sebenarnya penyakit "AIDS". Berapa orangkah di negara ini telah menjadi mangsa penyakit ini, dan apakah yang telah diambil bagi mencegahnya daripada dibawa masuk oleh pelawat-petawat dan pelancong-pelancong ke negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Yeoh Poh San): Tuan Yang di-Pertua, AIDS ialah ringkasan perkataan "Acquired Immune Deficiency Syndrome" iaitu sejenis penyakit yang disebabkan oleh kuman virus. Virus tersebut boleh didapati dalam darah dan air mani pesakit. Jangkitan dengan virus AIDS boleh mengakibatkan kerosakan sistem pertahanan semula jadi seseorang dan membuat orang ini mudah diserang oleh penyakit yang dalam keadaan biasa tidak merbahaya kepada manusia.

Tuan Yang di-Pertua, pesakit tersebut mungkin mendapat Kaposi Sarcoma (sejenis kanser kulit) atau jangkitan paru-paru. Penyakit AIDS boleh dijangkitkan daripada seorang kepada seorang yang lain melalui perhubungan jenis, melalui darah yang mengandungi virus AIDS dan melalui penggunaan secara perkongsian jarum-jarum dan picagari (syringes) di kalangan penagih-penagih dadah yang mengamalkan suntikan.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga masa ini belum ada mangsa penyakit AIDS di seluruh Malaysia.

Di bawah Seksyen 8 (2) (a) Akta Imigresen, 1959/63 (Revised 1975) pihak berkuasa Imigresen boleh melarang kemasukan ke negara kita pelawat-pelawat dan pelancong-pelancong yang diketahui mengidap penyakit AIDS. Tetapi masalah yang besar ialah hendak mengetahui mereka oleh sebab adalah tidak praktikal jika semua pelawat dan pelancong ke negara kita diperlukan menjalani ujian darah untuk mengesan AIDS. Tindakan semacam ini akan juga memberi akibat yang buruk dan yang tidak diinginkan kepada perniagaan, industri pelancongan dan imej negara.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, selain daripada pemeriksaan darah, apakah boleh kita nampak dari segi lahir seseorang itu mempunyai penyakit AIDS ini.

Yang kedua, kelmarin Yang Berhormat Menteri telah mengatakan tiga orang pondan telah menjalani pemeriksaan, apakah hasil pemeriksaan yang dijalankan itu, kerana tidak pun diberitahu tentang hasil pemeriksaan mereka itu.

Tuan Yeoh Poh San: Untuk menjawab soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, hasil itu kita dapat kumpulkan apabila survey yang dijalankan oleh Kementerian tamat barangkali pada akhir tahun ini.

Untuk menjawab soalan yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, apakah tanda (symptom) tentang AIDS. Kebanyakan pesakit AIDS menunjukkan tanda dan gejala berikut:

Demam, hilang selera makan, berat badan menurun, terlalu letih

ataupun lemah, bengkak buah kelanjar dalam keadaan yang biasa barangkali boleh campur satu, dua atau tiga sekali dan keadaan seperti ini berlaku selama tiga bulan ataupun lebih sebelum keadaan pesakit bertambah teruk.

Apabila teruk jadi life-span mangsa itu selama-lamanya ialah 5 tahun sahaja.

PEKERJA DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN

3. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan jumlah bilangan pekerja-pekerja dalam perkhidmatan Kerajaan menurut kumpulan dan sila beri angka-angka pecahan mengikut kategori-kategori berikut:

*Jumlah Peratus
Pekerja*

- (i) Melayu
- (ii) Cina
- (iii) India
- (iv) Iban
- (v) Kadazan
- (vi) Laio-lain

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, untuk saya memberikan angka-angka dan peratusan bagi pelbagai kumpulan dan bangsa, memerlukan masa yang panjang. Saya mohon menjawabnya secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

BELIA PELADANG/ BELIA NIAGA

4. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apakah persediaan dan rancangan bagi belia Peladang dan belia niaga khususnya bagi belia di kawasan sempadan keselamatan dalam usaha peningkatan ekonomi bagi menyahut seruan dan penyampaian dasar ekonomi baru.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Awang .bin Jabar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sentiasa memberi perhatian terhadap program-program yang boleh membantu meningkatkan ekonomi belia iaitu selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru. Rancangan-rancangan ini adalah bertujuan untuk membolehkan belia-belia berdikari dalam bidang perniagaan dan pertanian. Semenjak rancangan-rancangan belia niaga dan belia peladang dilaksanakan, Kementerian telah mewujudkan sebanyak 2,490 projek belia niaga dan 2,718 projek belia peladang yang melibatkan 13,533 orang belia.

Saya kurang jelas apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat berkenaan mengenai kawasan sempadan keselamatan. Sekiranya Yang Berhormat bermaksud kawasan sempadan di negeri-negeri yang bersempadan dengan negeri Thai, rancangan belia peladang dan belia niaga memang telah dilaksanakan. Belia-belia yang memasuki rancangan ini diberi latihan dan kemahiran, latihan perniagaan, pinjaman modal permulaan perniagaan serta khidmat nasihat oleh pegawai-pegawai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kementerian ini telah membuat cadangan kepada Kerajaan untuk meneruskan kedua-dua rancangan tersebut di bawah tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Soalan tambahan. Dalam jawapan Setiausaha Parlimen sebentar tadi bahawa Kementerian ini sedang memohon kepada Kerajaan untuk meneruskan rancangan belia niaga dan belia peladang. Setahu saya rancangan ini adalah sangat baik kepada belia-belia, apakah dan kenapakah sebabnya rancangan ini diberhentikan dan saya difahamkan kerana rancangan ini

diberhentikan menyebabkan belia luar bandar banyak berhijrah ke dalam bandar. Saya ingin tahu apakah rintangan-rintangan yang menyebabkan Kementerian ini memberhentikan dan bilakah masanya dapat diteruskan dengan secepat mungkin.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, rancangan belia niaga tidak diberhentikan—memang ada sampai sekarang pun. Yang ditawakofkan ialah rancangan belia peladang. Sebab-sebab ditawakofkan rancangan belia peladang ialah kerana sepanjang yang kita ketahui bahawa ada sebab-sebab yang tertentu yang menyebabkan beberapa projek yang dilaksanakan oleh belia-belia di seluruh negara kita ini menempuhi kegagalan. Jadi, oleh kerana itu pihak Jabatan Perdana Menteri (SERU) telah membuat kajian dan kajian itu sudah selesai dijalankan. Oleh kerana memandangkan projek ini terlalu penting dan amat berguna kepada belia-belia, maka dengan sebab itu Kementerian telah mencadangkan kepada Kerajaan untuk memohon Budget semuta di bawah Rancangan Malaysia Kelima bagi rancangan belia peladang ini.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menerangkan bahawa sejumlah kalau tidak salah saya 2,400 orang belia-belia niaga yang telah dibantu oleh Kementerian ini, Saya ingin bertanya daripada jumlah yang tersebut, berapa banyak mereka yang berjaya atau adakah di antara mereka yang telah gagal. Dan apakah faktor-faktor yang menyebabkan kegagalan mereka itu. Soalan yang kedua, apa langkah-langkah pihak Kementerian supaya kegagalan itu tidak akan terus berulang dalam rancangan bantuan kepada belia niaga?

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, dalam banyak-banyak rancangan belia niaga yang sudah kita laksanakan, banyak di antaranya yang berjaya tetapi ada juga sebahagian daripadanya yang gagal. Faktor-faktor kegagalan ada beberapa faktor. Yang pertama sekali ialah lokasi ataupun tempat di mana projek-projek ini dilaksanakan oleh belia-belia itu, kadang-kadang terlalu ramai kita luluskan satu projek kepada seorang belia dan dia berniaga di satu tempat yang terlalu ramai peniaga-peniaga kecil. Ini pun merupakan satu faktor kegagalan.

Yang kedua, oleh sebab management ataupun pengurusan daripada beliau itu sendiri kerana apabila mereka pergi berniaga, mereka kurang pengalaman, jadi oleh sebab ini pun merupakan faktor kegagalan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagilah faktor-faktor lain. Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian di dalam membimbing belia-belia ini supaya mereka terus maju di dalam projek mereka pada masa-masa akan datang ialah dengan mempergiatkan khidmat bimbingan kepada belia-belia di dalam mengurus urusan perniagaan mereka, juga dengan membantu modal dan berbagai-bagai lagi.

SOCISO—JUMLAH CARUMAN

5. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) berapakah jumlah wang yang SOCISO telah kumpulkan dan bolehkah Menteri memberikan pecahan bagaimana kumpulan wang-kumpulan wang telah dipergunakan dan dilaburkan; dan
- (b) sama ada beliau sedar bahawa pemeriksaan kembali faedah SOCISO baru-baru ini adalah tidak mencukupi jikalau dipandang daripada perspektif kenaikan taraf hidup masa kini

dan sama ada beliau akan menimbang untuk menambahkan perbarisan faedah yang terhad yang ada sekarang supaya termasuk pembinaan hospital-hospital untuk pekerja-pekerja pusat pemulihan vokesyenal bagi pekerja-pekerja yang cacat, kemudahan-kemudahan penyelidikan dan pembangunan untuk meneliti ke dalam "occupational diseases" selain dahpada mengkaji semula faedah yang ada sekarang supaya selaras dengan taraf hidup masa kini.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien) Tuan Yang di-Pertua, jumlah caruman yang telah dipungut oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial atau PERKESO sehingga 31hb Disember, 1984 adalah sebanyak \$621,845,000.89. Sementara itu sejumlah \$81,236,000.59 telah dibelanjakan untuk membayar faedah kepada pekerja-pekerja berdaftar, yang terbencana, orang-orang tanggungan mereka, faedah-faedah pengkebumian dan perubatan, kemudahan-kemudahan untuk pemulihan jasmani dan vocational, elaun jemaah doktor dan lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengan pelaksanaan skim-skim PERKESO.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perbelanjaan pentadbiran Pertubuhan Keselamatan Sosial sehingga ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, wang lebihan caruman yang dipungut setelah ditolakan bayaran faedah-faedah yang berkenaan adalah dilaburkan dalam sekuriti Kerajaan. Sejak tahun 1972 hingga 31hb Disember, 1984 jumlah faedah yang terkumpul adalah sebanyak \$207,844,557. Faedah dari pelaburan ini merupakan lebihan wang dan ia juga dilaburkan semula dalam sekuriti-sekuriti Kerajaan. Jumlah

pelaburan dalam sekuriti Kerajaan sehingga 31hb Disember, 1984 adalah sebanyak \$711.5 juta. Manakala pelaburan dalam simpanan tetap berjumlah \$2.5 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1984 telah dikuatkuasakan mulai 1hb Januari, 1985. Melalui pindaan ini kadar harian minima faedah hilang upaya sementara atau faedah hilang upaya langsung yang kekal telah dinaikkan dari \$2.50 sen sehari kepada \$8.00. Kadar ini adalah berdasarkan kepada gaji bulanan purata pekerja sebanyak \$342.66 sen. Kadar harian minima ini telah juga diperluaskan kepada kes-kes bayaran berkala faedah hilang upaya kekal atau faedah orang tanggungan yang masih dalam bayaran pada 1hb Januari, 1985. Satu lagi faedah baru iaitu pencen penakat telah juga diperkenalkan mulai 1hb Januari, 1985 tanpa apa-apa tambahan kepada caruman.

Selain daripada itu PERKESO juga menyelaraskan dari masa ke semasa kadar bayaran pencen yang sedia ada dengan mengambil kira kos saraan hidup dan juga berdasarkan kepada perakuan-perakuan yang dibuat oleh actuary.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini satu lagi penyelarasan kepada kadar pembayaran pencen akan dibuat tidak berapa lama lagi. Penyelarasan ini akan mengambil kira kenaikan kos saraan hidup dalam tahun 1982 hingga tahun 1984. Tuan Yang di-Pertua, ini jelas menunjukkan bahawa kadar-kadar faedah Pertubuhan Keselamatan Sosial adalah tidak rendah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kemudahan perubatan bagi orang-orang berinsuran yang disediakan oleh PERKESO, suka saya memaklumkan bahawa mereka boleh mendapatkan rawatan dari klinik swasta yang telah dilantik oleh PERKESO atau mana-mana hospital Kerajaan. Semua

perbelanjaan rawatan dan perubatan itu akan ditanggung oleh SOCSO. Orang-orang berinsuran yang memerlukan pemulihan vocational adalah ditempatkan di pusat-pusat Vocational yang sedia ada seperti Pusat Pemulihan Ceras, Komplek Latihan Agro Industri Kuala Pilah, Pusat Latihan GUNI untuk orang-orang buta dan Institut Jahitan Swasta. Kemudahan-kemudahan yang sedia ada adalah untuk mencukupi memenuhi keperluan PERKESO.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kemudahan-kemudahan penyelidikan dan pembangunan untuk meneliti occupational diseases, suka saya memaklumkan bahawa baru-baru ini satu majlis penasihat kesihatan dan keselamatan kerja telah ditubuhkan. Di antara lain majlis ini akan menimbang perkara-perkara seumpama ini dan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengulangkaji kadar-kadar bayaran serta kemudahan-kemudahan bagi orang berinsuran di bawah skim-skim PERKESO dan juga meneliti aktiviti-aktiviti yang PERKESO yang lain supaya semuanya akan dapat diperbaiki lagi selaras dengan keperluan semasa.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menerangkan tentang faedah-faedah yang dapat diperolehi oleh kaum ataupun para pekerja yang berinsuran berkaitan dengan kenaikan kadar untuk hilang upaya dari \$2.50 kepada \$8.00 dan juga termasuk pencen penakat dan sebagainya. Di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa sungguhpun telah diperuntukkan faedah-faedah yang baru ini selepas meluluskan 'Rang Undang-undang dalam Parlimen yang berkenaan

bahawa skim SOCSO yang wujud sekarang tidak dapat memberi kemudahan dan faedah yang lebih tinggi kepada pekerja-pekerja dan tanggungan-tanggungan mereka bila dibandingkan dengan kutipan-kutipan oleh SOCSO tiap-tiap tahun dan bolehkah Kerajaan dapat mengkaji semula skim ini dengan tujuan untuk memberikan perlindungan yang lebih bermakna kepada pekerja dan tanggungan mereka?

Yang kedua, suka saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian yang berkenaan untuk menjadikan SOCSO sebagai satu Badan Berkanun (Statutory Body)?

Yang ketiga, soalan saya ialah adakah Kerajaan bercadang untuk menjadikan skim SOCSO satu skim komprehensif memandangkan kepada kekuatan kedudukan kewangan SOCSO yang boleh memberi perlindungan kepada kontingensi baru seperti masalah bersalin ataupun untuk kesakitan dan juga sama ada skim ini boleh diberi liputan untuk kaum petani dan lain-lain? Sekian.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat yang pertama itu, saya rasa Ahli Yang Berhormat itu barangkali ada sedikit tidak faham atas kadar pembayaran SOCSO atau PERKESO. Ahli Yang Berhormat itu telah mengakui kenaikan faedah minima ini di antara \$2.50 kepada \$8.00 sehari itu telah sebenarnya menunjukkan pembayaran ini adalah tinggi jika kita bandingkan bahawa bayaran \$8.00 sehari adalah seperti gaji bulanan pro rata iaitu \$342.66, dan pekerja-pekerja yang berinsuran itu jika pendapatan rendah dari itu pun akan dapat \$8.00 sehari. Jadi pembayaran ini bukanlah rendah dan jika gaji orang yang berinsuran itu

lebih tinggi daripada \$8.00 sehari, kadar itu akan mengikut gaji mereka, bukanlah rendah daripada itu.

Jadi saya rasa ini bukanlah rendah dan tidak boleh dibandingkan dengan apa yang kami terima dari caruman dan apa yang kami bayar. Apa yang kami bayar adalah mengikut kadar gaji tiap-tiap orang yang berinsuran itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat atas soalan beliau yang kedua itu, sebenarnya pada 1hb Julai tahun ini PERKESO telah pun menjadi satu Badan Berkanun.

Untuk menjawab soalan yang ketiga Ahli Yang Berhormat itu, memanglah hasrat Kerajaan dan hasrat PERKESO sendiri supaya boleh dapat skim ini boleh diperluaskan melindungi lebih lagi daripada apa yang kami ada sekarang. Tetapi mengikut apa kewangan yang kami ada pada masa ini sebenarnya tidaklah cukup untuk menambah lagi liputan apa-apa lain skim tetapi walau bagaimanapun, kami ada ambil tindakan ke arah ini. Terima kasih.

CUKAI IMPORT—KESAN PENYELUDUPAN

6. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Kewangan menyatakan adakah beliau sedar bahawa kenaikan cukai import yang tinggi sekarang ini terhadap barangan luar negeri dengan matlamat dan hasrat menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara dan perkembangan perusahaan dalam negeri, tetapi sebaliknya telah berlaku kadar penyeludupan yang tinggi ke dalam negara kita dan barangan tersebut dijual dengan harga yang murah di pasaran dalam negeri seperti kain batik Jawa, rokok, kain dan pakaian siap, buah-buahan dan sebagainya. Oleh itu apakah tindakan tegas dan berkesan bagi mencapai tujuan dan matlamat Kerajaan itu.

Dato Sabbaruddin Chik; Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa pengenaan cukai import yang tinggi ke atas barangan tertentu seperti rokok, buah-buahan dan kain batik boleh menggalakkan penyeludupan barang-barang tersebut. Walau bagaimanapun, adakah difikirkan bahawa kadar penyeludupan barang-barang itu ke negara kita ini tidaklah begitu tinggi dan ianya juga tidaklah begitu menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara dan perkembangan perusahaan dalam negeri. Pada keseluruhannya Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dapat mengawal kegiatan penyeludupan dengan berkesan. Langkah yang diambil oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja untuk mengawal penyeludupan ini adalah seperti berikut:

- (1) mengadakan rondaan di darat dan di laut;
- (2) mengadakan sekatan jalan raya;
- (3) membuat serbuan di tempat-tempat tertentu;
- (4) menjalankan serang hendap berdasarkan maklumat-maklumat yang diterima; dan
- (5) menjalankan operasi bersama dengan Unit Pencegah Penyeludupan.

Orang ramai hendaklah terus membekalkan kerjasama sepenuhnya kepada Kerajaan dalam usaha-usaha membentasi penyeludupan ini dan kalau ini berlaku, kita percaya penyeludupan yang terdapat sekarang ini mungkin dapat dikurangkan tagi.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan bahawa dengan perbezaan harga yang amat tinggi ini akan berlaku penyeludupan dan juga kita mengakui tentang adanya tindakan untuk mencegah daripada berlaku penyeludupan ini dan ada di antara

penyeludup-penyeludup ini yang telah ditangkap, tetapi dengan perbezaan yang amat tinggi harga di antara barang-barang negara kita dengan negara jiran, kalau 100 bungkus disetudup, kalau 40 bungkus ditangkap oleh pihak berkuasa dan 60 bungkus dapat dibawa masuk misalnya, mereka masih mendapat untung yang tinggi kalau dibandingkan dengan barang itu dibawa masuk mengikut jalan yang halal dengan membayar cukai yang tinggi.

Dengan cara itu sudah tentulah akan merugikan negara daripada segi cukai kerana tidak banyak barang-barang itu mengikut saluran yang betul. Jadi apakah tindakan berkesan supaya perbezaan harga barang di negara kita dengan negara jiran-jiran yang mudah berlaku penyeludupan ini tidak jauh bezanya dan tidak begitu tinggi supaya penyeludupan itu tidak berlaku dan boleh merosakkan pertumbuhan perusahaan dalam negara kerana apabila penyeludupan itu berlaku barangnya cukup murah dan juga separuh daripada yang kita hasilkan dalam negara?

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi kita percaya bahawa walaupun terdapat penyeludupan, ini tidak akan menjejaskan secara berkesan pertumbuhan ekonomi negara. Mengenai soal tindakan apakah yang diperlukan untuk mengelakkan daripada mereka itu menyeludup oleh sebab adanya duti ataupun cukai import yang tinggi, jawapannya kurangkan cukai import barang yang berkenaan. Tetapi pihak Kerajaan tidak mahu mengurangkan cukai terhadap barang-barang ini sebab alasan-alasan yang tertentu. Misalnya rokok yang sudah pun memang tinggi cukainya ataupun minuman keras yang juga tinggi cukainya, kita mungkin menaikkan cukai ini, setidak-tidaknya kita kekalkan cukai di peringkat yang ada sekarang.

Soal negara lain membuat struktur cukainya sendiri, itu tidak akan menjadi satu perkara yang mungkin kita tiru ataupun kita ikuti tetapi kita akan berusaha dan akan memperkemas lagi organisasi-organisasi ataupun departmen-departmen di dalam jabatan berkenaan itu untuk menghalang berlakunya penyeludupan secara berleluasa dan kita percaya sekarang ini pun penyeludupan tidak begitu banyak seperti yang pernah berlaku di negara lain ataupun seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

PENYELUDUPAN TEMBAKAU DARI THAILAND

7. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi kegelisahan penanam-penanam dan pengawet-pengawet tembakau di Kelantan akibat kemasukan daun-daun tembakau haram dari Selatan Thailand; dan daun-daun tembakau seludup yang dirampas, adakah dibinasakan atau dijual lelong dan kalau dijual lelong, kepada siapakah tembakau itu dijual dan berapa banyakkah jumlahnya pada tahun 1980 hingga sekarang ini; dan
- (b) apakah Kerajaan sedar bahawa syarikat-syarikat pembeli daun tembakau telah melakukan penganiayaan kepada penanam dan pengawet-pengawet dengan cara menggredkan tembakau yang sepatutnya tinggi direndahkan dan di manakah peranan LTN dalam bidang ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan bahagian (a) soalan Yang Berhormat itu, ingin saya menyatakan di sini bahawa tindakan mencegah penyeludupan adalah merupakan tugas Jabatan Kastam. Walau bagaimanapun, Lembaga Tembakau Negara sebagai agensi yang mengawal industri tembakau tempatan bekerja rapat dengan pihak Kastam.

Lembaga Tembakau Negara di peringkat pentadbirannya telah mengambil beberapa langkah mencegah penyeludupan. Antara tindakan-tindakan yang telah diambil ialah:

- (1) Mengeluarkan surat-surat pekeliling kepada semua pihak untuk mendapat kerjasama mencegah berlakunya aktiviti-aktiviti penyeludupan.
- (2) Memeriksa rekod-rekod berkaitan dengan penanaman dan pengawetan tembakau tempatan.
- (3) Mengawal pemasaran daun kering bagi pihak-pihak yang diragui.
- (4) Semua pengawit dan pengilang telah diwajibkan menyimpan rekod-rekod belian, jualan, pengawitan, stok daun kering dengan lengkap dan teratur.

Di peringkat penguatkuasaan, Lembaga Tembakau Negara turut mengadakan sekatan jalan raya dengan Jabatan Kastam, Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan pihak Polis. Untuk menyelaraskan tindakan-tindakan pencegahan, satu jawatankuasa di peringkat negeri Kelantan telah ditubuhkan. Hasil daripada usaha-usaha Lembaga Tembakau Negara dan rondaan pihak Kastam, UPP dan Polis, sebanyak 21,982 kg. daun kering melibatkan 21 kes telah dirampas.

Mengenai daun-daun rampasan oleh Jabatan Kastam setakat hari ini sejumlah 4104 kg. telah dibeli oleh Syarikat Malaysian Tobacco Company dan Leaf Tobacco Development Corporation (Rothmans) mengikut Peraturan Kastam yang sedia wujud. Kesemua daun itu adatah dilelong dalam tahun ini kerana aktiviti penyeludupan tembakau tidak pernah dikesan sebelum daripada tahun ini. Sebagai suatu langkah lanjut untuk mencegah penyeludupan, Peraturan Kastam telah pun diperketatkan lagi dan baki daun rampasan itu akan dilelong dengan bayaran duti sepenuhnya sebanyak \$50 satu kg. dan jika tidak laku akan dimusnahkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan bahagian (6) pula, sepertimana barang pertanian yang lain, tembakau pun mempunyai masalah pasaran tertentu. Urusan jual beli biasanya diselesaikan di antara penanam dan pengawit bagi daun hijau, dan di antara pengilang dengan pengawit bagi daun kering. Jika terdapat apa-apa pertelingkahan, ia dirujuk kepada Lembaga Tembakau Negara untuk diputuskan dengan muktamad. Selain daripada itu, Lembaga Tembakau Negara juga sentiasa mengawasi kedudukan jual beli harian dan jika terdapat apa-apa aduan daripada penjual atau pembeli, Lembaga Tembakau Negara akan menyiasatnya dan tindakan sewajarnya akan diambil. Setakat ini tidak terdapat sebarang penganiayaan dan segala masalah yang timbul atau yang dikesan oleh Lembaga Tembakau Negara dapat diselesaikan berdasarkan kepada perincian gred dan struktur harga yang ditetapkan oleh Lembaga Tembakau Negara.

Puan Hajjah Wan Zainab binti M.A Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah pihak berkuasa LTN, MTC dapat mengenali atau membezakan

daun tembakau kering yang diseludup dari Thailand itu dengan yang dihasilkan oleh pengawit-pengawit atau penanam-penanam kita dan adakah daun yang diseludup ini mempunyai mutu ataupun gred yang tinggi.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:

Tuan Yang di-Pertua, apabila daun yang diseludup ini dicampur dengan daun-daun tempatan, tidak dapat dikenal pasti perbezaannya.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi dalam jawapan Timbalan Menteri telah menyatakan jumlah yang dapat dikesan dalam tahun 1985. Jadi bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan berapa ramai dari segi orang yang terlibat di dalam kegiatan penyeludupan ini dan berapakah yang telah dikenakan hukuman-hukuman oleh pihak yang berkenaan dan apakah tindakan tegas yang telah dikenakan kepada penyeludup-penyeludup yang terlibat?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta notis yang itu?

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed:

Soalan tambahan, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah benar mutu tembakau daripada sebelah Thailand lebih tinggi daripada yang diusahakan di dalam negeri Kelantan khususnya dan sekiranya benar kenapakah, adakah kerana baja ataupun kerana tanah di selatan Thailand itu lebih elok daripada di Kelantan?

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, apakah juga benar pihak pegawai dalam Lembaga Tembakau Negara itu terdiri daripada bekas pegawai yang bekerja dengan pihak

pengilang yang dalam banyak tindak tanduknya lebih cenderung kepada pihak pengilang?

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memastikan bahawa tembakau daripada negara jiran adalah lebih baik daripada negara kita oleh kerana mengikut rekod pihak pengilang tidak pernah mengimport daun tembakau daripada negara jiran yang tersebut sehingga ke hari ini. Apabila tidak ada, ini menunjukkan bahawa mutu daun tembakau kita adalah lebih baik.

Mengenai soalan yang kedua, adalah benar bahawa Pengarah Lembaga Tembakau Negara adalah bekas pegawai Malaysian Tobacco Company tetapi daripada tugas-tugas yang telah dilakukan selama ini tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa ia menyebelahi mana-mana pihak.

BEKALAN ELEKTRIK KE THAILAND OLEH LLN

8. Tuan Wan Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah benar Lembaga Letrik Negara (LLN) membekalkan tenaga elektrik kepada negara jiran (Thailand). Jika benar, berikan butir-butir mengenai banyaknya tenaga yang dibekalkan dan mana-mana kawasan yang mendapat bekalan itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Au How Cheong): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak LLN sebenarnya tidak ada membekalkan tenaga elektrik secara terus kepada pengguna-pengguna di negara Thailand sepertimana yang dibuat oleh LLN kepada pengguna-pengguna di Semenanjung ini. Walau bagaimanapun, pihak LLN telah pun melaksanakan program sambungan perantaraan (inter-connection) di antara pencawang masuk utama Bukit

Keteri di negeri Perlis dengan Sadao di negeri Thailand. Ini adalah merupakan salah satu dari program kerjasama di kalangan, negara-negara ASEAN. Sambungan ini pula adalah semata-mata untuk menampung bekalan elektrik di antara kedua-dua negara semasa keadaan kecemasan sahaja.

Bekalan elektrik kepada Thailand dihadkan kepada 30 megawatt sementara pengimportan dari Thailand dihadkan kepada 15 megawatt sahaja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi 8 bulan tahun ini iaitu antara bulan Januari hingga bulan Ogos, pihak LLN telah mengimport sebanyak 4.8 juta kilowatt hour yang bernilai \$769,000 daripada Thailand manakala LLN telah menguntukkan sebanyak 9.03 juta kilowatt hour bernilai \$1.4 juta kepada Thailand.

PELAJAR SARAWAK DI UNIVERSITI TEMPATAN

9. Tuan Ling See Ming minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah-jumlah murid-murid di negeri Sarawak yang sedang belajar di enam buah universiti-universiti di negara kita pada masa ini. Jumlah murid-murid yang menikmati biasiswa (termasuk Kerajaan dan pertubuhan separuh Kerajaan). Di antaranya, berapakah adalah Bumiputera dan berapakah bukan Bumiputera. Pada masa kemelesetan ekonomi ini, sama ada benar Kerajaan membekalkan lebih banyak biasiswa untuk menyambung tuntutan murid-murid. Apakah dasar akan dijalankan oleh Kerajaan untuk membantu pemohon-pemohon yang dari keluarga miskin yang tidak mendapat biasiswa-biasiswa.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini memerlukan angka-angka dan huraian yang panjang, saya memohon menjawab soalan ini secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

PELAKSANAAN SISTEM KBSR

10. Dato Michael Chen Wing Sum minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar, bahawa selepas pengenalan sistem 3R, mutu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah Cina pada umumnya telah jatuh dan jika ya, apakah langkah yang berkesan akan diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki mutu kedua-dua bahasa ini.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa sejak KBSR dilaksanakan mutu bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) telah turun. Sebaliknya dari maklum balik, peniiaan yang telah dijalankan pencapaian kedua-dua bahasa berkenaan dalam KBSR adalah lebih baik daripada pencapaian dalam KLSR (Kurikulum Lama Sekolah Rendah), pengajaran bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris melalui sistem KBSR adalah lebih tersusun dan mendatangkan lebih banyak faedah kepada murid-murid. Bahan-bahan pelajaran dan pembelajaran di peringkat-peringkat mengikut keupayaan seseorang murid. Di samping itu Kementerian Pelajaran menyediakan bahan-bahan pengkayaan untuk murid-murid yang lebih cerdas dan bahan-bahan pemulihan untuk murid-murid yang lebih lemah bagi mempertingkatkan mutu penguasaan mereka di dalam kedua-dua bahasa tersebut.

11. Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Omar bin Abdullah.

Tuan Omar bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah pun dijawab pada hari Isnin yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

TARAF KEHIDUPAN PETANI— PENILAIAN

12. Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman minta Menteri Pertanian menyatakan sudahkah Kerajaan membuat penilaian sama ada darjah kehidupan (standard of living) petani-petani semakin meningkat. Jika ya, apakah ukuran-ukuran yang telah digunakan.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Penilaian terhadap taraf kehidupan petani-petani dengan tujuan untuk mengetahui sama ada ia telah meningkat ataupun merosot memang dijalankan oleh Kerajaan dari masa ke semasa. Salah satu daripada caranya ialah mengukur kadar kemiskinan atau incidence of poverty di kalangan petani-petani yang berkenaan pada tiap-tiap tahun. Pengiraan kadar kemiskinan ini adalah berdasarkan kepada pengiraan pendapatan yang diterima oleh petani-petani itu. Kerja-kerja ini dijalankan oleh Unit Perancangan Ekonomi. Selain daripada itu Kementerian Pertanian itu mengutip data-data mengenai tingkat hasil dan pengeluaran serta pendapatan yang diterima oleh petani-petani yang berkenaan dari masa ke semasa.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kerajaan melalui Unit Penyelarasan Perlaksanaan akan melaksanakan pengutipan data-data di bawah projek klasifikasi kampung-kampung. Perangkaan-perangkaan yang akan dikutip di bawah projek ini dijangka dapat digunakan bagi menentukan taraf hidup penduduk-penduduk di kampung-kampung dari segi kuatiti hidup mereka seperti kemudahan-kemudahan awam yang mereka terima.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu di dalam menilai prestasi ataupun standard of living petani-petani ini, adakah penilaian yang

terperinci dan secara meluas dibuat terhadap pelaksanaan atau kejayaan atau sebaliknya dasar mekanisasi dalam sektor pertanian, dasar-dasar berhubung dengan pemasaran dan juga dasar pertanian moden? Adakah tidak pihak Kementerian menganjurkan satu dasar yang baru iaitu apa yang dikatakan Dasar Pengkhususan Pertanian mengikut kawasan-kawasan, mengikut potensi dan juga keupayaan kawasan tersebut? Apakah dasar ini bertujuan untuk membantu petani-petani memperbaiki taraf kehidupan mereka ataupun sebaliknya dan juga berkenaan dengan dasar supaya menukar tanaman iaitu daripada misalnya tanaman padi di setengah kawasan kepada tanaman yang lain yang lebih lucrative, misalnya.-kelapa sawit. Adakah juga ini mempunyai matlamat yang lain dan tidakkah juga ada kemungkinannya memberi kesan sebaliknya iaitu petani-petani akan mendapat kesan yang tidak baik daripada beberapa dasar yang saya sebutkan tadi?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri memang mempunyai data-data yang banyak tentang pendapatan petani dan pemasaran dan sebagainya. Sekiranya Ahli Yang Berhormat boleh memberi notis, saya boleh menghantar maklumat yang diperlukan.

Berkenaan dengan kawasan pengkhususan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat sedar bahawa memang ada tempat-tempat yang tertentu yang telah dipilih oleh Kerajaan di mana nelayan-nelayan atau petani-petani diberi layanan yang lebih istimewa sedikit. Biasanya tempat-tempat yang dipilih ialah tempat yang mana nampaknya penduduk-penduduk miskin sangat.

Berkenaan dengan soalan yang ketiga, Kerajaan sedang mengkaji semula dasar mengenai tanaman padi

memandangkan bahawa Malaysia merupakan satu penanam padi dengan ongkosnya yang tinggi sekali. Dalam konteks ini, Kerajaan berpendapat bahawa sekiranya petani-petani di satu tempat boleh dapat pendapatan yang lebih tinggi dari tanaman yang lain selain dari padi mereka digalakkan, terutama sekali di kawasan-kawasan di luar kawasan-kawasan jelapang padi yang mana kemudahan seperti bekalan air dan sebagainya tidak begitu lengkap.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat, apakah garis kemiskinan yang digunakan sekarang dan apakah kadar kemiskinan sekarang jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang lepas?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya jelaskan tadi, kadar yang digunakan ialah satu kadar yang kasar iaitu pendapatan keluarga petani. Pada tahun 1970 kadar kemiskinan dalam sektor pertanian ialah 68.3%; tahun 1975—63.0%; 1980—45.7% dan 1983—54.9%.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Liang Seng.

(Soalan No. 13 Y. B. Tuan Lim Liang Seng tidak hadir)

KERAKYATAN "PHANTOM" MALAYSIA

14. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kementerian sedar kerakyatan "Phantom" Malaysia (Phantom Citizenship of Malaysia) yang kebanyakannya duduk terpencil di Sarawak yang dianggar berjumlah lebih daripada 100,000 yang sepatutnya didaftarkan. Apakah tindakan untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya

menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Bagi Kementerian Dalam Negeri masalah yang dibangkitkan mengenai kerakyatan "Phantom" tidak timbul oleh kerana taraf kewarganegaraan hanya dianugerahkan kepada mereka yang benar-benar layak dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di dalam perkara-perkara berkenaan dalam Perlembagaan Malaysia, setelah permohonan mereka dipertimbangkan dengan teliti.

PENDATANG HARAM VIETNAM

15. Puan Hajjah Wan Zainab binti M.A. Bakar minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa banyakkah lagi Pendatang Haram Vietnam masih ada di Malaysia.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sekali lagi menjawab bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri.

Jumlah pendatang haram Vietnam yang berada di Malaysia pada 10hb Oktober, 1985 ialah 8,333. Dari jumlah ini, seramai 5,826 berada di Kem Penempatan di Pulau Bidong dan seramai 2,507 berada di Kem Transit Sungai Besi.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada dahulu disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri bahawa takrif sebenarnya yang kita pakai bagi pendatang haram Vietnam ini bukan pendatang haram, tetapi pelarian. Jadi, saya hendak mendapat kepastian oleh kerana ada pula dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri sendiri bahawa sebenarnya mereka ini bukan orang pelarian, tetapi pendatang haram. Jadi, mana satu yang betul? Saya minta dapat tahu

oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri itu bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Yang keduanya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sedar tentang kejadian-kejadian jenayah yang sebenarnya telah meningkat dan masih lagi berlaku yang dilakukan oleh pendatang-pendatang haram Vietnam, khususnya di Terengganu di mana baru-baru ini berlaku satu kejadian di mana 3 orang pendatang haram dengan menaiki perahu yang dibuat dari papan telah menyerang sebuah bot nelayan dan mencampakkan nelayan ini ke air sehingga diselamatkan oleh nelayan-nelayan itu tetapi mereka ini merupakan ancaman kerana kawalannya itu tak ketat. Kawalannya longgar sangat. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa rakyat di sekitar perkampungan pulau ini telah lama mendesak melaungkan minta supaya Kerajaan mengambil satu tindakan supaya Pulau Bidong ini dapat dihentikan daripada digunakan sebagai Pusat Pemerosesan Sementara Pendatang-pendatang Haram ini, dipindahkan mereka ini apa salahnya ke satu tempat di daratan, bukan di pulau supaya pulau itu yang digunakan sebagai tempat perlindungan dan tempat mencari rezeki boleh dikembalikan ke pangkuan nelayan-nelayan tempatan. Kita jaga kepentingan nelayan kita dahulu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, tentang definisi pendatang haram Vietnam ini sukalah saya menyatakan di sini bahawa kita masih memanggil mereka pendatang haram Vietnam kerana peperangan di Vietnam sudah tamat dan kita gelarkan pelarian apakala negara yang terlibat itu bukan lagi berada dalam suasana peperangan.

Masalah yang kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sekejap tadi, saya yakin bahawa

kawalan yang dikendalikan pada masa ini adalah rapi, rondaan Polis berjalan dengan hebatnya. Maka, saya tidak yakin bahawa kejadian-kejadian jenayah itu berlaku dengan rancak sekali, mungkin satu-dua, itu, tak dapat saya pastikan dengan sepenuhnya, tetapi apa yang saya ketahui, satu sahaja yang berlaku.

Soalan yang ketiga berhubung dengan penutupan Kem Pulau Bidong. Kem ini akan ditutup apakala saki-baki yang ada sekarang dipindah ke negara ketiga dan tiada lagi pendatang haram Vietnam yang mendarat di negara kita.

KEMATIAN MENDIANG SELAMBARAM A/L VAMBIAH—SEBAB

16. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab mendiang Encik Selambaram a/l Vambiah meninggal dunia di dalam lokap Balai Polis Petaling Jaya pada 13hb Ogos, 1985 dan mengapakah sanak saudaranya tidak diberitahu sehingga 15hb Ogos, 1985. Bilakah satu siasatan diadakan ke atas kematian tersebut dan apakah hakikatnya mengenai kes ini? Berapakah kes kematian di dalam lokap di seluruh negara daripada 1980 sehingga sekarang.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sekali lagi menjawab bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri.

(a) Kematian mendiang Encik Selambaram a/l Vambiah seperti yang disahkan oleh doktor adalah disebabkan oleh, dengan izin, "acute renal lailure due to multiple injuries" atau kecederaan di beberapa bahagian tubuhnya.

(b) Kelewatan menyampaikan berita kematian ini ialah kerana pihak polis tidak dapat mengesan isteri dan saudaramara si mati.

(c) Penyiasatan polis telah dijalankan sebaik sahaja kematian disahkan dan setakat ini pihak polis masih lagi meneruskan siasatan.

(d) Jumlah kes kematian di dalam lokap di seluruh negara sejak Januari, 1980 hingga akhir September, 1985 ialah sebanyak 28 kes.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13,17 dengan 18 adalah diberi di bawah ini).

LATIHAN GURU-GURU SANDARAN

13. Tuan Lim Liang Seng minta Menteri Pelajaran menyatakan butir-butir pengambilan bagi tahun ini untuk mengikuti latihan guru dalam kursus Cuti SRC berbanding dengan pengambilan tahun 1984.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Pada tahun ini, pengambilan guru-guru sandaran untuk mengikuti latihan pengurusan dalatn masa cuti akan dibuat pada hujung tahun ini. Kementerian Pelajaran bercadang mengambil seramai 180 orang guru untuk mengikuti Kursus Perguruan Sekolah Rendah dalam pengkhususan Pengajian Cina PSR (PC). Pada tahun 1984 bilangan guru yang telah ditawarkan untuk mengikuti kursus ini ialah seramai 461 orang.

NELAYAN MALAYSIA DIANCAM LANUN

17. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

(a) benarkah kerap kali berlaku nelayan-nelayan Malaysia menghadapi ancaman-ancaram lanun, jika benar apakah

tindakan yang telah diambil dan apakah satu-satunya langkah pencegahan dari masa ke semasa;

- (6) adakah pihak Kerajaan pernah mendapat kesan lanun-lanun itu terdiri dari rakyat mana, dan adakah pernah terlibat dari orang-orang pelarian atau pendatang haram Vietnam; dan
- (c) apakah pernah pihak Malaysia berunding dengan Jawatankuasa Keselamatan ASEAN dalam perkara ini, atau ianya tidak bersangkutan dengan perkara-perkara yang seperti ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:

- (a) Berita dan laporan mengenai nelayan-nelayan Malaysia kerap kali diancam oleh lanun adalah tidak benar. Apa yang terjadi ialah insiden-insiden kecil yang dilakukan oleh kumpulan-kumpulan kecil yang tidak tersusun. Sebagai langkah pencegahan terhadap sebarang kegiatan yang menyalahi undang-undang Tentera Laut Diraja Malaysia dan Polis Marin sentiasa menjalankan rondaan di seluruh kawasan perairan Wilayah Malaysia.
- (b) Setakat ini hanya satu kes jenayah di laut yang disyaki dilakukan oleh pendatang haram Vietnam di kawasan perairan Pulau Bidong, Terengganu. Di dalam kejadian tersebut sebuah bot telah dirampas dan digunakan untuk melarikan diri dari pulau tersebut.
- (c) Di dalam pertubuhan ASEAN tidak ada jawatankuasa keselamatan, Forum ASEAN cuma membincang perkara-perkara mengenai ekonomi dan kebudayaan. Namun demikian Kerajaan sudah sedia ada badan-badan tertentu untuk tujuan

bekerjasama bagi membincang hal-hat keselamatan sempadan dengan negara-negara anggota ASEAN termasuk masalah sempadan perairan bersama.

**MENTERI-MENTERI
MELETAKKAN JAWATAN**

18. Tuan Seow Hun Khim minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejak kemerdekaan pada tahun 1957, berapa ramai Menterimenteri Kabinet dalam tempoh khidmat mereka telah dipecat jawatan atau diarahkan meletakkan jawatan mereka dan untuk tiap-tiap satu kes ini, sama ada pemecatan ini berpunca dari amalan rasuah, ketidakmampuan menjalankan tugas atau lain-lain sebabnya;
- (b) apakah sebab-sebab utama bekas Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dipecat jawatannya pada 16hb Ogos tahun ini dan sama ada beliau telah diberi pilihan untuk meletakkan jawatannya sebelum dipecat dan jika ya, mengapakah beliau memilih dipecat dari meletakkan jawatan.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:
Izinkan saya menjawab bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Kuasa melantik atau memberhentikan khidmat mana-mana Menteri Kabinet adalah dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang menggunakan budibicara beliau. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak pula perlu memberi sebab-sebab tertentu. Di samping itu mana-mana Menteri Kabinet boleh meletak jawatan mereka.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi membuat peruntukan untuk menambahkan bilangan Ahli-ahli Dewan Rakyat dari Negeri Sarawak dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya termasuk peruntukan untuk Suruhanjaya Pilihanraya membuat ulangkaji di bawah Fasal 2, Perkara 113 Perlembagaan untuk membahagi-bahagikan Negeri Sarawak kepada Bahagian-bahagian Pilihanraya Persekutuan dan Negeri; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG (MEMPERBADANKAN) LEMBAGA PEMULIHAN DAN PENYATUAN TANAH NEGARA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (15hb Oktober, 1985)

3.36ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung penggulangan bahasan mengenai Rang Undang-undang ini.

Saya telah menyatakan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sarawak terutamanya yang mengalu-alukan Rang Undang-undang ini di mana FELCRA akan meluaskan kegiatannya di kawasan Sarawak dan juga Sabah. Saya nyatakan semalam bahawa walaupun belum ada peruntukan dalam Perlembagaan, tetapi FELCRA telah pun terlibat dalam kawasan-kawasan keselamatan seperti RASCOM di mana kerja-kerja pemulihan telah digerakkan oleh FELCRA.

Selain daripada itu, saya juga mengucapkan terima kasih kepada pandangan-pandangan terutama sekali daripada Ahli Yang Berhormat terhadap masalah ecology, masalah integrasi nasional dan sebagainya dengan adanya kegiatan agensi-agensi Persekutuan dalam negeri Sabah dan Sarawak.

Yang Berhormat dari Kapit juga menarik perhatian terhadap masalah pertanian pindah ataupun shifting cultivation kerana orang-orang Iban dan juga suku kaum yang lain yang ada di Sarawak dan Sabah tidak ada pilihan lain dari segi pertanian kerana pendedahan-pendedahan untuk teknologi yang terbaru, yang kemaskini diperkenalkan di kalangan mereka. Maka peruntukan Rang Undang-undang ini untuk membolehkan agensi ini ke Sarawak dan Sabah amat dialu-alukan oleh Yang Berhormat. Saya yakin dengan kerjasama oleh Kerajaan-kerajaan Negeri maka seperti juga abang sulong agensi FELCRA ini, iaitu FELDA yang telah pun berkesan kegiatannya di Sabah di mana beberapa rancangan-rancangan FELDA telah dibuka lebih kurang hampir 300,000 ekor tanah di Sabah seperti Umas-Umas dan sebagainya dan kini FELDA juga sedang merundingkan untuk masuk ke Sarawak dan kita yakin FELCRA akan

turut serta untuk menyelesaikan, terutama sekali masalah tanah adat yang boleh diperbaiki.

Kementerian mengambil perhatian terhadap apa juga kemungkinan masalah yang akan timbul, seperti masalah pentadbiran yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Kapit, tak mahu nanti ada agensi-agensi Persekutuan yang bergiat di negeri menghadapi masalah. Maka perundingan akan dibuat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri seperti juga yang telah kita buat antara FELDA dengan Kerajaan Negeri Sarawak di mana beberapa pertemuan dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan juga Pegawai-pegawai Tinggi untuk merundingkan cara mana untuk kita menggiatkan usaha-usaha kita tanpa menjejaskan masalah tradisi, masalah sensitiviti setempat supaya kedatangan agensi-agensi Persekutuan itu dapat diterima dengan tangan terbuka dan lantas dapat mempereratkan dan memperkukuhkan lagi integrasi nasional yang amat diidam-idamkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Begitu juga dengan pandangan Yang Berhormat dari Padang Rengas yang memandang berat terhadap masalah kemiskinan yang ada di kampung-kampung kerana tiadanya pendedahan ilmu pertanian ataupun teknologi-teknologi yang terkemas kini. Masalah pemasaran dan juga masalah-masalah tanah yang begitu kecil sehingga tidak dapat berbuat apa-apa oleh mana-mana agensi kecuali dengan membesarkan pegangan tanah itu, dan di sinilah FELCRA sebagai satu badan yang membaik pulih dan juga menyatukan tanah itu dapat mewujudkan penyatuan antara tanah tradisional yang satu ekar dengan tanah Kerajaan untuk menjadikan pegangan tiap-tiap satu individu petani itu dalam keadaan yang lebih ekonomik dan ini ialah usaha-usaha FELCRA.

Di samping itu juga bukan sahaja dapat menyatukan tanah yang kecil menjadi pegangan yang lebih ekonomik, tetapi juga kita telah perkenalkan sistem saham di mana kita harap cara dan bentuk pertanian akan menjadi lebih kolektif dan usaha-usaha untuk memajukan tanah atas asas-asas ekonomi yang lebih logical, dengan izin, atau lebih wajar, seperti misalnya mengambil kesempatan daripada the economic of scale dengan tanah yang luas maka lebih mudah dan lebih kurang kosnya untuk dibangunkan. Di sinilah sistem saham telah memainkan peranan dan bagaimana kita akan memperbaiki lagi sistem saham ini sedang diusahakan oleh Kementerian dan saya yakin juga bukan sahaja FELCRA dapat memainkan usaha-usaha penerangan seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Padang Rengas itu supaya penerangan ini terus tiba ke telinga dan juga pengetahuan pekebun-pekebun kecil, bagaimana agensi-agensi serupa FELCRA dapat membantu membangunkan terutamanya tanah-tanah terbiar.

Yang Berhormat juga menekankan kepentingan keadaan persekitaran iaitu bagaimana dapat diperbaiki mutu hidup dengan adanya kemasukan agensi-agensi seperti FELCRA ini terutamanya dari segi penyediaan perumahan dan kemudahan-kemudahan asas yang lain. Ini memang menjadi azam kepada agensi FELCRA untuk membangunkan economic base yang berasaskan kepada pertanian.

Kepada peserta-peserta, FELCRA juga menekankan peri mustahaknya merobah environment ataupun alam sekitar masyarakat yang dimajukan di mana disusun semula kampung-kampung tradisional dan penyusunan semula kampung kalau boleh menjadikan satu potential growth areas, dengan izin, adalah menjadi harapan kepada FELCRA di mana contoh telah pun ada seperti di Teratak

Batu di Kelantan di mana kampung tradisional itu telah dikumpulkan penduduk-penduduknya dan kemudian FELCRA telah memohon jasa baik Kerajaan Negeri memberikan tanah baru dan bagaimana disatukan tanah lama tradisional dengan kawasan baru dan kemudian dengan kawasan yang lebih luas dapat dipujuk penduduk-penduduk kampung ini meninggalkan rumah-rumah lama dari pertapakan rumah-rumah baru yang lebih tersusun dan nyata bahawa bila kampung-kampung itu disusun semula dengan bentuk yang lebih selari dengan kehidupan moden, dengan keperluan-keperluan asas bahawa bukan sahaja dapat kita salurkan kemudahan-kemudahan asas ini dengan lebih murah kerana pertempatan yang lebih compact, yang lebih padat, jalan raya lebih murah hendak dibina, paip air dan api lebih murah, tetapi juga yang lebih penting interaksi masyarakat lebih nyata dan lebih pasti di mana interaksi ini dapat mewujudkan perubahan-perubahan nilai yang kita harapkan, kerana dalam Kementerian saya pada hari ini penekanan terhadap pembangunan ialah bukan sahaja pembangunan fizikal seperti yang disarankan oleh Dasar Pertanian Negara dengan empat strateginya, iaitu pembukaan tanah baru, pembangunan *in situ*, khidmat sokongan dan strategi keempatnya ialah pembangunan sosial dan institusi.

Pembangunan sosial dan institusi inilah yang kami tekankan, kerana perubahan manusia dalam usaha pembangunan negara tidak boleh tidak akan membawa perubahan-perubahan dan perubahan institusi dan nilai inilah yang amat penting dan kita mahu ukur pembangunan kita bukan sahaja dari segi ukuran economictrics, kerana kadang-kadang dollars and centsnya tidak juga make sense, dengan izin, maka kita hendak menentukan bahawa porla nilai yang dibawa oleh perubahan ini dapat menentukan ada perubahan-perubahan yang positif, yang dinamis

yang kemudian dapat mewujudkan memantumnya sendiri untuk orang-orang kampung itu sendiri mencari perubahan dan membuat inovasinya sendiri dan ini perlu dipupuk dengan nilai-nilai yang positif seperti nilai produktiviti ataupun daya pengeluaran, nilai kuantiti-kualiti kontrol dalam penghasilannya seperti buah-buah sawit yang baik yang mesti dihasilkan dan pembajaan yang elok dan sebagainya, maka alam persekitaraan yang baru yang selari dengan kehendak interaksi manusia dengan sosial interaksi yang lebih pasti positif dan giat dapat menggerakkan pembangunan manusia itu. Maka persekitaraan yang diharapkan oleh Yang Berhormat dari Padang Rengas itu menjadi tumpuan kita dan penyusunan semula kampung adalah satu usaha untuk merobah cara hidup tradisional di kampung dan apatah lagi dengan economic support yang lebih tersusun seperti yang dibuat oleh FELCRA dan FELDA akan dapat menggerakkan pembangunan luar bandar dengan berlipat ganda lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batang Lepar juga meminta Kementerian mengkaji Rang Undang-undang yang ada berkaitan dengan pembangunan tanah dari masa ke semasa. Memang kita alu-alukan bahkan sudah semestinya satu masyarakat yang dinamis mesti melalui beberapa perubahan dan perubahan-perubahan itu juga mesti mengakibatkan perubahan-perubahan dasar dalam menghadapi sesuatu masalah dan apabila sudah ada perubahan dasar maka perubahan undang-undang itu ialah logical consequence, dengan izin, untuk menyesuaikan dengan perubahan-perubahan masyarakat, perubahan-perubahan dasar, maka dengan adanya perubahan dasar itu mesti ada perubahan-perubahan undang-undang.

Maka tujuan Kementerian membawa Rang Undang-undang ini pun ialah atas kesedaran perlunya kita membawa perubahan yang kita lihat daripada contoh-contoh yang sedia ada misalnya di FELDA. Inspirasi untuk mewujudkan Perbadanan dalam FELDA ini ialah kajian yang telah kita buat dalam FELDA sendiri yang mana dengan adanya Perbadanan FELDA ia telah dapat meningkatkan lagi pendapatan peserta-peserta dengan aktiviti-aktiviti value added ataupun nilai tokok yang diusahakan sendiri oleh FELDA hasil daripada BTB (buah tandan baru) yang dihasilkan oleh FELDA itu. Maka dengan adanya usaha-usaha memproses atau prosesan, usaha-usaha mengilang, usaha-usaha downstream yang lain bahkan usaha-usaha pemasaran yang dibuat oleh FELDA sehingga ada pejabat di London dan New York menunjukkan bahawa hasil yang diperolehi daripada usaha-usaha Perbadanan ini telah dapat meningkatkan lagi pendapatan peneroka, apatah lagi sekarang dengan harga minyak sawit yang menjunam jatuh ini maka kegiatan-kegiatan selama ini yang telah dibuat oleh Perbadanan FELDA itu nyata dapat menampung apa juga masalah yang dihadapi oleh peserta-peserta dalam zaman susah, zaman meleset dan buah melawas ini.

Saya yakin Perbadanan dan apa juga peruntukan-peruntukan yang lain ialah sesuai dengan masyarakat yang dinamis, negara yang membangun yang sentiasa mengambil berat terhadap kepentingan dan kebajikan rakyat dan juga terutama sekali rakyat luar bandar.

Yang Berhormat dari Batang Lupar juga mengingatkan supaya jangan tinggalkan Sarawak dari segi pembangunan negara terutamanya pembangunan tanah. Maka kalaulah Kerajaan Negeri Sarawak dapat memberi kerjasama dengan secepat

mungkin, insya Allah peruntukan-peruntukan akan kita sediakan bahkan dari segi peruntukan awal telah pun kita sediakan untuk Sarawak, saya rasa lebih kurang \$26 juta sedang disediakan untuk pembangunan FELCRA di Sarawak dalam Rancangan Malaysia Kelima ini.

Yang Berhormat dari Bagan Datok juga telah menimbulkan beberapa perkara yang saya yakin akan kita ambil perhatian, seperti misalnya kelambatan PELCRA untuk mengambil alin projek yang telah diluluskan dari segi kemampuan kewangan dan kakitangan untuk menghadapinya. Ini saya ingin menolak dakwaan Yang Berhormat ini, kerana capacity kita cukup dari segi perancangan dan kita telah pun mengenal pasti seperti dalam ucapan awal saya semasa membentangkan Rang Undang-undang ini bahawa kita telah mengenal pasti lebihkurang 900,000 hektar tanah yang terbiar yang telah ditentukan untuk pembangunan lebihkurang 500,000 haktar dan perancangan jangka panjangnya tentu sekali setelah kita kenal pasti kita telah membuat peruntukan-peruntukan yang sesuai dengan capacity atau kemampuan FELCRA sendiri untuk membangunkan rancangan yang telah dikenal pasti ini.

Masalah kelewatan program yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu ialah sebenarnya masalah kesesuaian tanah yang perlu ditentukan. Kawasan ini ialah kawasan gambut yang terlalu dalam. Kajian lanjut sedang dilaksanakan supaya program di kawasan ini ditentukan ia betul-betul berfaedah ' dan menguntungkan. Kerana masalah-masalah teknikal perlu diselesaikan supaya apabila rakyat menerima program-program Kerajaan ianya tidak tergendala di tengah-tengah jalan, seperti misalnya kita tahu tanah-tanah gambut ini selalunya menghadapi beberapa masalah. Kalau terlalu dalam masalah

kesuburan tanah, masalah bahaya bila musim kering misalnya, masalah menyediakan saliran sehingga kalau saliran itu tidak dibuat secara berperingkat-peringkat, mungkin akan mewujudkan subsidence daripada tanah itu ataupun tenggelam kerana apabila dia terlalu kering ianya akan mengecut maka tanah gambut agak sukar dan misalnya kita juga sedang mengkaji beberapa teknologi tanaman yang baru seperti yang dibuat di Parit Saraya dalam tanah gambut di mana MARDI telah menasihatkan cara menanam the hole in the hole atau cara lubang dalam lubang supaya memperkukuhkan akar pokok sawit ini supaya tidak tumbang dalam prime agenyanya iaitu apabila umur 8 tahun ketika berbuah paling banyak pada ketika itu dia tumbang sedangkan productive life, dengan izin, kelapa sawit boleh sampai 25 tahun dan kita tidak mahu oleh kerana masalah teknikal disebabkan kajian yang tidak rapi maka kita menghadapi petani-petani tidak dapat menikmati dengan sepenuhnya program Kerajaan. Maka kelambatan itu ialah kajian-kajian yang perlu dibuat oleh Jabatan-jabatan Teknikal yang kebetulannya kadangkadang di luar Kementerian seperti MARDI atau Jabatan Tanah yang kita minta bantuan untuk membantu agensi ini.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya saya telah dapat menjawab hampir semua, kalau tidak terjawab saya yakin bahawa kita akan ambil ingatan dan kajian dan kita akan cuba sebolehnya mengkaji dengan mendalam apa juga saranan yang dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam membahaskan Rang Undang-undang ini dan saya ucapkan terima kasih atas minat Ahli-ahli Yang Berhormat. Dan insya-Allah dengan adanya Rang Undang-undang ini, FELCRA dapat berkhidmat dengan lebih sempurna lagi demi faedah rakyat luar bandar. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEDAH DAN PULAU PINANG (PENGUBAHAN SEMPADAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.00 *ptg.*

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya memohon mencadangkan bahawa Suatu Rang Undang-undang bertajuk Suatu Akta pindaan kepada Sempadan antara Negeri Pulau Pinang dengan Negeri Kedah, 1985 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, sempadan antara Negeri Pulau Pinang dan Negeri Kedah boleh dikesan menerusi Treaty yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Raja Inggeris dengan Kerajaan Raja Siam bertarikh 6-5-1869. Kedua-dua sempadan ini di antara kedua-dua negeri berkenaan mengikut tafsiran Treaty ini adalah

terletak di sepanjang tebing utara, tebing kanan Sungai Muda. Penentuan sempadan ini adalah satu perkara yang luar biasa, dengan izin, exceptional case, oleh kerana sempadan antara kedua-dua negeri ini tidak mengikut garisan tengah sungai seperti yang lazimnya dibuat.

Dalam tahun 1973 Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan jasa baik Kerajaan Persekutuan memperolehi satu pinjaman dari Bank Pembangunan Asia bagi melaksanakan Projek "Penang Water Supply". Projek ini telah dilaksanakan dengan cara membina Ampangan Jajar Muda yang terletak 6 batu dari kuala sungai tersebut. Ampangan ini telah dibina di bahagian lencongan Sungai Muda dengan tujuan untuk menjaga gangguan pasang surut air masin untuk menaikkan paras sungai dan mewujudkan punca air bersih yang mencukupi bagi projek ini. Pembinaan Ampangan Jajar Muda telah menyebabkan sebahagian Sungai Muda di seketiling Ampangan Jajar Muda menjadi kering, dengan yang demikian Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkehendakkan supaya sempadan yang diubah mengikut di tengah-tengah sungai asal yang telah kering itu. Kerajaan Negeri Kedah pula berkehendakkan garis sempadannya mengikut di tengah-tengah aliran Sungai Baru yang telah dilencongkan berikutan dengan pembinaan Ampangan Jajar Muda.

Semenjak tahun 1973 Negeri Pulau Pinang dan Negeri Kedah dan Kerajaan Persekutuan telah mengadakan beberapa rundingan dengan teliti dan berlanjutan yang bertujuan untuk menentukan sempadan baru antara Negeri Pulau Pinang dan Negeri Kedah. Sungguhpun kedua-dua pihak telah mengadakan rundingan beberapa kali, tetapi telah tidak dapat mencapai persetujuan yang khusus mengenai

garis sempadan baru sama ada ianya terletak di tengah-tengah sungai asal atau sungai yang dilencongkan.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan pertikaian bagi menentukan sempadan antara Negeri Pulau Pinang dan Negeri Kedah, Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah mengambil inisiatif menganjurkan satu perjumpaan di antara pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Negeri Kedah, di Sungai Muda pada 11-10-1982 yang turut juga dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah dan Yang Amat Berhormat Pemangku Ketua Menteri Pulau Pinang. Dalam perjumpaan tersebut kedua-dua pihak telah bersetuju formula supaya diadakan perubahan sempadan yang bertujuan untuk menjamin kepentingan negeri Pulau Pinang khususnya mengenai pengurusan bekalan air Pulau Pinang dan di antara perkara-perkara yang telah dipersetujui adalah seperti berikut:

- (i) Sempadan di Sungai Muda dipinda dari tebing sebelah kanan seperti yang ada sekarang di tengah-tengah sungai di sepanjang sebahagian sungai yang menjadi sempadan Negeri Kedah dan Pulau Pinang termasuk bahagian sungai yang dilencongkan untuk pembinaan Ampangan Jajar Muda.
- (ii) Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang akan memberi milik kepada pihak Berkuasa Air Pulau Pinang (Penang Water Authority), dengan izin, bagi kawasan lebih kurang 10.88 hektar ataupun 27.2 ekar yang terlibat, yang kemudiannya akan dijadikan kawasan Negeri Kedah. Kawasan ini berada di antara aliran sungai yang baru dengan yang lama akibat lencongan dibuat bagi pembinaan ampangan tersebut.

- (iii) Setelah kawasan yang terlibat dijadikan kawasan Negeri Kedah maka Pihak Berkuasa Negeri Kedah akan mengeluarkan surat milik tanah atas kawasan yang sama kepada Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang mengikut syarat-syarat yang sama.

Berikutan dengan persetujuan yang telah dicapai satu Memorandum Persefahaman (Memorandum of Understanding), dengan izin, telah ditandatangani pada 25-10-1982 oleh kedua-dua pihak di satu majlis upacara menandatangani di Pulau Pinang. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah telah menandatangani bagi pihak Negeri Kedah dan Yang Amat Berhormat Pemangku Ketua Menteri Pulau Pinang bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan, Parlimen boleh dengan undang-undang mengubah sempadan mana-mana negeri, undang-undang yang diwujudkan yang bertujuan untuk mengubah sempadan negeri hanya boleh diluluskan setelah mendapat persetujuan negeri-negeri berkenaan menerusi undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri dan Majlis Raja-raja.

Dalam hubungan ini tindakan untuk meminda Sempadan di antara Negeri Pulau Pinang dengan Negeri Kedah ini telah diteruskan di mana Majlis Raja-Raja telah memperkenankannya menerusi Mesyuaratnya yang ke 132 hari yang kedua pada 14-11-84. Berikutan dengannya kedua-dua Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan yang berasingan untuk mewujudkan enakmen negeri berhubung dengan pindaan sempadan ini. Kerajaan Negeri Pulau Pinang 1985, sebagaimana yang telah diwartakan di dalam *Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang* bertarikh 4-7-1985 sebagai Enakmen Bil. 1/1985, Di

samping itu Kerajaan Negeri Kedah telah mengambil tindakan yang sama untuk mewujudkan Enakmen Perubahan Sempadan Kedah dan Pulau Pinang 1985 yang telah diwartakan di dalam *Warta Kerajaan Negeri Kedah* bertarikh 4-7-1985 sebagai Enakmen Bil. 3/1985.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon dengan hormatnya mencadangkan.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong,

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah, satu Akta di bawah Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan untuk mengubah sebahagian daripada sempadan di antara Negeri Kedah dan Pulau Pinang, dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.08 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman (Parit Buntar): Tuan Yang di-Pertua, saya inginlah mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah dapat membentangkan Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta di bawah Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan untuk mengubah sebahagian dari sempadan di antara Negeri Kedah dan Pulau Pinang. Memang perkara ini telah lama diperkatakan oleh kedua-dua negeri dan nasib begitu baik kerana kedua-dua negeri telah bersetuju dengan mengadakan beberapa kali perjumpaan. Dan adalah difahamkan bahawa persempadanan yang dibentangkan pada petang ini berbalik jauh sehingga kepada tahun 1869 iaitu sepertimana perjanjian di antara Baginda Queen dan Kerajaan Raja Siam. Oleh kerana perkara persempadanan ini dibawa di dalam mesyuarat pada kali ini, saya juga

inginlah menimbulkan supaya pihak Kementerian dapat memper-timbangkan serta mengambil daya usaha dalam mengkaji semula bukan sahaja kepada persempadanan di antara Negeri Kedah dan Pulau Pinang kerana adanya daya usaha kedua-dua negeri, tetapi saya berharap supaya daya usaha daripada Kementerian ataupun daripada Kerajaan Pusat kepada kawasan-kawasan lain juga yang terlibat.

Saya ingin menimbulkan soal persempadanan yang kita bentangkan ini termasuklah persempadanan Negeri Kedah, Perak dan Pulau Pinang yang telah pun menjadi topik yang agak hangat beberapa tahun yang lepas dan nampaknya pada ketika ini perkara tersebut hanyut begitu sahaja. Kerana kalau Yang Berhormat Menteri telah dapat membawa balik sehingga ke tahun 1869.

Saya juga ingin menyebut tentang satu kawasan yang seluasnya lebih kurang 16,000 hektar di utara Negeri Perak bersempadankan dengan Pulau Pinang dan juga dengan Negeri Kedah iaitu Bandar Baru. Lazimnya sempadan sesebuah negeri itu sama ada ditentukan melalui rupa bentuk alam seperti gunung, sungai ataupun di zaman moden ini ditentukan melalui satu perjanjian yang telah pun ditetapkan oleh pihak yang berkenaan di kawasan-kawasan yang berkenaan, iaitu mengikut Undang-undang.

Maka bagi kawasan yang saya sebutkan tadi, kalau dilihat dari segi sejarah pun adalah munasabah dan dilihat dari segi pentadbiran dan pembangunannya pun munasabah, kita membuat kajian semula. Mengikut Perkara 1 (3) di dalam Perlembagaan yang berbunyi dengan izin, ". the territories of each of the States mentioned in clause (2) are the territories comprised therein immediately before Malaysia day." Dalam konteks ini, konsep

Persekutuan, kalau kita lihat secara halusnya lahir pada tahun 1895 lagi, iaitu mengandungi Negeri Sembilan, Pahang, Perak dan Selangor dan menjadi lebih ketara lagi pada tahun 1946 yang mana ketika itu ditambah lagi 5 Negeri dan pada tahun 1948 ketika Malayan Union dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua, pertama kali sebenarnya Federation of Malaya dibuat ialah dalam Perjanjian tahun 1948 yang mana telah dimeteraikan dengan secara kemas ataupun dengan secara rasmi dan akhir sekali pada tahun 1957 seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, berbangkit kepada Perjanjian Pangkor di mana dalam Perjanjian Pangkor itu dinyatakan bahawa ini khasnya kepada sempadan Negeri Perak. Patutlah kita pertimbangkan di mana dalam Perjanjian Pangkor itu telah ditimbulkan beberapa perkara lain termasuklah perkara Kesultanan, perkara pegawai-pegawai, hasil dan sebagainya tetapi satu perkara yang ditimbulkan iaitu masalah sempadan yang menjadi tajuk perbincangan kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah sempadan, dalam Perjanjian Pangkor itu telah disebut iaitu di kawasan utara yang memisahkan di antara Negeri Perak, Pulau Pinang dan Kedah ialah Sungai Krian dan di selatan, Sungai Bernam. Dan dalam konteks yang akan saya perkatakan ini ialah Sungai Krian, tetapi oleh kerana pada satu ketika pihak Kerajaan Inggeris yang ingin menentukan bahawa kesetabilan pentadbiran Kerajaan yang pada ketika itu maka sebatang jalan telah dibina yang mana terkeluar daripada sungai yang berkenaan dan melibatkan lebih kurang 16,000 hektar ini terkeluar mengunjur masuk ke dalam kawasan Pulau Pinang.

Ini saya tidak dapat kepastian, dan saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi kepastian sama ada perjanjian yang menyebutkan tentang Sungai Krian ini sebahagian sempadannya sahaja bergantung kepada sungai dan yang lainnya adalah melibatkan kawasan jalan raya. Sepanjang yang saya ketahui dan daripada siasatan persatuan Sejarah dalam kawasan saya, tidak ada perjanjian-perjanjian yang melibatkan kawasan tanah yang saya maksudkan tadi termasuk dalam kawasan Pulau Pinang kecuali hanyalah sempadannya ialah dengan sungai yang saya sebutkan tadi, iaitu Sungai Krian.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi sejarah telah menunjukkan bahawa kawasan 16,000 hektar itu adalah merupakan hak Kerajaan Negeri Perak. Saya tidak bermaksud untuk mempertikaikan perkara ini tetapi memadai kalau kita mengkajinya oleh kerana kesesuaian sejarah itu dengan faktor pentadbiran dan pembangunan yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pentadbiran, ataupun kawasan yang melibatkan 16,000 hektar tadi masih lagi ditadbirkan oleh pihak pentadbiran di dalam bahagian Negeri Perak sama ada dari segi pentadbiran projek-projek perairannya sama ada dari segi pentadbiran, kawalan, keselamatan dan penguatkuasaan sesuatu perkara yang tertentu, dan sama ada penguatkuasaan Kementerian Perdagangan ataupun penguatkuasaan Jabatan Kastam dan sebagainya, memerlukan sempadan sungai itu ditetapkan sebagai tempat untuk dikuatkuasakan Undang-undang yang berkenaan.

Jadi kalau kita lihat dari segi pentadbiran dan dari segi pembangunannya, masih lebih berkesan atau efektifnya adalah lebih baik dikekalkan sepertimana yang berada sekarang iaitu ditadbirkan dari

pihak sebelah Negeri Perak maka sudah tentu kawasan ini jika diubah mengikut aliran sungai akan lebih berkesan lagi. Disebabkan sekarang ini, dari segi pentadbiran, aliran sungai itu sendiri pun yang mana dari segi tempat, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, masalah jajar. Jajar yang ada sekarang itu terletak dalam kawasan Pulau Pinang tetapi dari segi pekerja-pekerjanya, pentadbirannya masih lagi ditadbirkan di bawah daerah Krian yang berada dalam Negeri Perak.

Jadi inilah harapan saya supaya masalah ini tidak berpanjangan, patutlah diberi perhatian dan dibuat keputusan yang sebenarnya sama ada dari segi sejarah ataupun dari segi pentadbiran dan pembangunan supaya tidak timbul masalah yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, kita mengadakan perjumpaan dari satu masa ke satu masa dan tidak dapat kita menyelesaikannya.

Saya mengharap dan mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri juga supaya mengambil tindakan dengan pihak-pihak Kerajaan Negeri Perak dan Negeri Pulau Pinang untuk menyelesaikan masalah ini sekali gus tanpa ada rungutan-rungutan yang akan diambil dari satu masa ke satu masa yang mana kalau berdasarkan kepada sejarah dan pentadbiran adalah sesuai kedudukannya ditempatkan di dalam Kerajaan Negeri Perak.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah Rang Undang-undang yang dibawa pada petang ini boleh membuka satu aliran baru di dalam persempadanan yang sedang kita lakukan untuk memperkemaskan lagi sistem pentadbiran negeri dan pentadbiran tanah di tiap-tiap negeri supaya tidak timbul masalah penilaian dan sebagainya.

Saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan ini.

4.21 *ptg.*

Dato' Haji Mohd. Abu Bakar Rautin bin Ibrahim (Kuala Kedah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan berkenaan dengan Bill atau Rang Undang-undang Kedah dan Pulau Pinang (Pengubahan Sempadan) 1985.

Saya menyokong penuh di atas penggubalan Rang Undang-undang ini yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi dan daripada penerangan-penerangan yang telah pun disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri menunjukkan bahawa masalah sempadan, sungguhpun masalah sempadan ini antara dua buah negeri di dalam Persekutuan di negara Malaysia tetapi adalah satu perkara yang rumit dan sensitif yang mengambil masa yang panjang dan perundingan demi perundingan untuk mencapai satu penyelesaian berkenaan dengan sempadan yang terdapat di antara negeri Kedah dan negeri Pulau Pinang.

Dan daripada penjelasan tadi juga, Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa sempadan yang terdapat di antara negeri Kedah dan Pulau Pinang selama ini adalah satu sempadan yang telah pun ditetapkan bukan oteh kedua-dua negeri ataupun bukan oleh negara kita selepas kita mencapai kemerdekaan tetapi oleh dua buah kuasa asing, dua kuasa penjajahan asing iaitu negara Inggeris atau United Kingdom pada masa itu dan juga negara Siam pada masa itu. Dan treaty ataupun perjanjian yang menetapkan sempadan yang telah pun ditandatangani pada tahun 1869 adalah ditandatangani oleh Raja Inggeris iaitu saya difahamkan Queen Victoria kalau tidak silap saya dengan Maharaja negara Siam iaitu Maharaja Chulalongkon kalau tidak silap saya juga, Tuan Yang di-Pertua.

Inilah keadaan yang berlaku kepada negara kita dan sungguhpun Yang Berhormat Menteri tadi telah pun menerangkan dengan kebetulan bahawa sempadan ini berlaku seumpama yang disebutkan dan telah pun dipersetujui untuk diubah seperti yang dicadangkan oleh Rang Undang-undang ini. Tetapi bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang ini bukanlah satu Undang-undang biasa ataupun Undang-undang yang tidak memberi apa-apa makna yang istimewa tetapi apabila dikaji implikasinya maka kita dapati Undang-undang ini daripada sudut sejarah adalah amat membanggakan kepada kita dan kepada negara.

Undang-undang ini bagi saya, telah pun menebus kembali maruah bangsa dan negara selepas kita, mencapai kemerdekaan sejak 28 tahun dahulu. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya inginlah mengambil kesempatan untuk menyampaikan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan khususnya Jabatan Peguam Negara juga kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah kerana telah pun membantu di dalam perundingan-perundingan untuk menyelesaikan masalah sempadan di antara negeri Kedah dan Pulau Pinang.

Saya juga tidak lupa menyampaikan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada kedua-dua Kerajaan Negeri iaitu Kerajaan Negeri Kedah dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah pun bertolak ansur dalam berpakat untuk menyelesaikan masalah sempadan ini. Apabila Kerajaan Negeri Pulau Pinang di satu pihak telah pun bersetuju untuk mengubah sempadan di antara Pulau Pinang dan negeri Kedah, ini menunjukkan adalah bagi pihak negeri Pulau Pinang satu pengorbanan dan tolak ansur oleh sebab melibatkan sempadan negeri itu sendiri. Tetapi di sebaliknya, Tuan Yang di-Pertua, negeri Kedah juga bertolak ansur di dalam perkara ini. Untuk menjamin

persefahaman dan kerjasama di antara kedua-dua buah negeri ini, negeri Kedah juga telah pun memberi persetujuan di dalam perjanjian membekal air minum iaitu perjanjian di antara Negeri Pulau Pinang dengan Bank Pembangunan Asia yang telah pun menetapkan supaya sebelum pinjaman dapat diberi untuk rancangan bekalan air Pulau Pinang maka terpaksa Negeri Kedah menjamin supaya bekalan air itu dapat diberi yang datangnya daripada kawasan tadahan di ulu Sungai Muda yang terletak di negeri Kedah. Maka oleh sebab inilah, Tuan Yang di-Pertua, apabila Negeri Kedah telah pun memberi persetujuan untuk menjamin bekalan air sekian-sekian banyak tiap-tiap hari untuk Rancangan Bekalan Air Pulau Pinang maka Pulau Pinang telah pun bertolak ansur dan telah pun memberi persetujuan untuk mengubah sempadan di antara kedua-dua buah negeri ini.

Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kedua-dua Kerajaan Negeri Kedah dan Negeri Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang ingin saya menarik perhatian berkenaan dengan Rang Undang-undang ini ialah dari segi tajuk Rang Undang-undang ini. Tajuk Rang Undang-undang ini seperti yang disebutkan di Fasal 1 iaitu Akta ini boleh dinamakan Akta Kedah dan Pulau Pinang (Penggubahan Sempadan) 1985. Tetapi bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, adalah lebih tepat lagi kalau kita berikan tajuk Akta ini ialah Akta Kedah dan Pulau Pinang (Pembetulan Sempadan) 1985. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, sempadan yang ada di antara negeri Kedah dan Pulau Pinang ini adalah satu kesilapan, satu kesilapan daripada segi apa sudut sekali pun khususnya daripada sudut undang-undang antarabangsa. Sebab mengikut amalan undang-undang

antarabangsa sempadan sesebuah negara, negeri ataupun wilayah yang dipisahkan dengan negara, negeri atau wilayah lain oleh sebatang anak sungai, gunung ataupun tasek maka garisan sempadan yang diterima ialah di tengah-tengah anak sungai dan sebagainya. Inilah apa yang diamalkan oleh negara-negara yang telah pun diterima oleh undang-undang antarabangsa. Tetapi bagi sempadan di antara negeri Kedah dan Pulau Pinang yang telah pun dipersetujui mengikut treaty di antara Inggeris dan Siam yang ditandatangani pada tahun 1869 itu telah pun menetapkan sempadan negeri Kedah dan Pulau Pinang ialah di sebelah tebing utara Sungai Muda iaitu di sebelah tebing negeri Kedah.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi penentuan sempadan itu adalah agak luar biasa dan saya bersetuju apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Bahkan saya inginlah menyatakan sekali lagi bahawa ini adalah satu kesilapan yang telah pun dilaksanakan oleh dua Kerajaan Penjajah ke atas negeri-negeri di dalam negara kita yang ada pada hari ini, sungguhpun berlaku lebih daripada 100 tahun dahulu. Oleh sebab paksaan inilah, dan oleh sebab kesilapan inilah maka kita datang pada hari ini di dalam Dewan yang mulia ini untuk membetulkan kesilapan ini, untuk membetulkan sempadan yang telah pun ditetapkan mengikut Treaty yang kita tidak menjadi anggota ataupun tidak mengambil bahagian dengan Treaty tersebut. Saya inginlah menyarankan Tuan Yang di-Pertua supaya tajuk Akta ini ialah Akta Kedah dan Pulau Pinang, bukan Pengubahan Sempadan, tetapi Pembetulan Sempadan 1985.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana juga yang disebut oleh rakan saya sebentar tadi Wakil dari Parit Buntar, bukan sahaja terdapat masalah sempadan ini di antara negeri Pulau Pinang dan negeri Kedah, bahkan saya rasa banyak masalah-masalah sempadan ini berlaku di negeri-negeri lain juga oleh sebab kesilapan-kesilapan dan paksaan-paksaan yang dilakukan oleh penjajah di masa-masa yang lalu. Begitu juga sempadan di antara negeri kita dengan negara-negara lain yang pada dahulunya telah dijajah oleh kuasa-kuasa asing dan selepas mencapai kemerdekaan masing-masing maka kembalilah masalah-masalah sempadan di antara negara-negara tersebut.

Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melihat satu dasar oleh Kerajaan kita supaya semua pertikaian-pertikaian berkenaan dengan sempadan ini dapat diselesaikan dengan secepat mungkin. Ini akan memberi faedah kepada negara kita supaya dapat terus bekerjasama dengan negara-negara jiran, dengan negara-negara yang telah pun menjadi anggota di dalam pertubuhan-pertubuhan bersama-sama dengan negara kita. Ini juga dapat menjamin dan memberi pertindungan kepada rakyat kita dengan lebih berkesan lagi seperti menjamin keselamatan nelayan-nelayan kita di dalam usaha mereka menangkap ikan jika sekiranya sempadan kita khususnya sempadan yang telah pun ditetapkan mengikut Zon Eksklusif Ekonomi di antara negara kita dengan negara-negara jiran dengan lebih sempurna.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih saya kepada Kerajaan dan juga inginlah saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Baling.

4.34ptg.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron (Baling): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas kesudian Tuan Yang di-Pertua membenarkan saya turut serta membahaskan di atas Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta di bawah Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan untuk mengubah sebahagian dari sempadan di antara Negeri Kedah dan Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, menerusi Dewan yang 'mulia ini dan lagi berbahgia, saya sebagai mewakili rakyat Negeri Kedah Darulaman mengalu-alukari Rang Undang-undang ini dan mengucap tahniah kepada Kerajaan Persekutuan khususnya kepada Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah yang begitu gigih. Kita rasa penuh bertanggungjawab berserta dengan pegawai-pegawai kanan dan semua pegawai-pegawai di Kementeriannya yang telah berjaya membawa Rang Undang-undang ini ke Dewan yang mutia ini untuk diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai salah seorang "rakyat Negeri Kedah Darulaman berasa bangga sebagai mewakili rakyat semua kaum penduduk Negeri Kedah dan ingatan ikhlas begitu tinggi sekali kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah bersetuju bersama merestui kehendak rakyat dan Kerajaan Negeri Kedah supaya perenggan yang sebenar dapat ditentukan. Walaupun selama 116 tahun telah berjalan seperti ianya telah dimeterikan pada 6hb Mei, 1869, maka pada hari ini Rang Undang-undang tersebut telah dikemukakan di Dewan yang mulia ini. Jadi oleh itu yang kita harap mudah-mudahan manakala Rang Undang-undang dimeterikan, perenggan yang sebenar itu dapat dilaksanakan.

Sekian, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menjawab serta juga menggulung perbahasan di peringkat bacaan kali yang kedua.

4.35 ptg.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini dan sesungguhnya kebanyakan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai persempadanan ini ada antaranya isu-isu sejarah yang agak penting dari segi membangkitkan semula semangat nasionalisma, semangat kebangsaan sebagai sebuah negara yang bermaruah dan saya yakin masalah persempadanan antara negeri-negeri ini tidak menjadi masalah yang besar. Hanya Kerajaan Persekutuan khususnya dari segi Kementahan saya menunggu-nunggu Kerajaan-kerajaan Negeri yang kalau hendak menyelesaikan masalah-masalah sempadan antara negeri-negeri ini oleh kerana keperluan undang-undang di bawa ke sini dengan serta-merta untuk diselesaikan supaya masalah persempadanan ini dapat membetulkan terutamanya faktor sejarah, keduanya masalah pentadbiran, ketiganya masalah jurisdiction dan lain-lain lagi, seperti misalnya ada terdapat wilayah-wilayah sesuatu negeri terdapat dalam negeri yang lain seperti misalnya negeri Melaka mempunyai satu wilayah seluas 300 ekar di tengah-tengah Negeri Sembilan misalnya iaitu Cape Ricardo. Apakah agaknya kedua-dua buah negeri ini boleh bersetuju untuk serah-menyerah. Itu terpulang kepada kedua

buah Kerajaan Negeri yang perlu mengambil proses undang-undang seperti yang berlaku pada hari ini.

Tetapi yang lebih penting sekali, Tuan Yang di-Pertua, bahawa persempadanan antarabangsa menjadi keutamaan kepada Kementerian sekarang di mana Kementerian sedang sibuk dan secara giat, aktif menggerakkan usaha-usaha penentuan persempadanan antarabangsa sama ada sempadan antara Malaysia/Singapura yang sedang giat kita lihat balik terutama sekali dari segi menentukan asas-asas Treaty 1927 ataupun asas-asas penting terakhir seperti misalnya mengikut tempat saluran air dalam ataupun mengikut semangat Law of the Sea yang terakhir dari segi median line. Ini dari segi Singapura. Ataupun dari segi Thailand misalnya, apakah sempadan ini dapat membantu dari segi keselamatan negara dan juga masalah-masalah kegiatan yang tidak diingini seperti penyeludupan dan sebagainya. Ini menjadi keutamaan di samping juga menyelesaikan masalah persempadanan antarabangsa antara Malaysia dan Indonesia di Sabah dan Sarawak di mana agaknya terlambat ataupun terlalu lambat dilaksanakan kerana masalah-masalah fundamental masalah-masalah yang pokok yang sedang kita usahakan. Jadi dari segi persempadanan antarabangsa menjadi keutamaan kepada Kerajaan, khususnya Kementerian saya.

Tetapi dari segi persempadanan antara negeri-negeri dalam negara yang tercinta ini, saya yakin ada persetujuan antara kedua-dua pihak negeri boteh kita selesaikan dan salurannya ialah Kementerian dan khususnya di bawa ke Dewan yang mulia ini untuk kita meteri dan kita aturkan mengikut kehendak-kehendak undang-undang negeri dan juga undang-undang negara iaitu Perlembagaan.

Masalah nama Akta Pengubahan Sempadan, terminology yang digunakan ini ialah dari Perkara 2 (b) Perlembagaan Persekutuan iaitu alteration of boundaries. Terjemahan "alter" adalah "pengubahan".

Maka spirit amendment ini ataupun pindaan ini ialah untuk mengubah sempadan yang "running along the centre line of "Muda River", dengan izin, untuk diselesaikan. Jadi kita ambil perhatian juga kalau perlu dipinda kehendak ataupun terminologi dalam Perlembagaan kita bawa kemudian.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perkara ini dan juga terutama sekali dari segi semangat kebangsaan yang di mana sebenarnya masalah sempadan ini telah ditentukan oleh pihak lain iaitu penjajahan bukan kuasa kita sendiri dan alhamdulillah kita dengan sebagai sebuah negara yang merdeka dapat muafakat untuk menyelesaikan perkara-perkara serupa ini walaupun fundamental.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rahg Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan kita telah selesai membincangkan perkara-perkara.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Ahli Yang Berhormat?

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, ketetapan Tertib Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua di bawah Perkara 53 (2);

"No Bill shall be read a second time until it has been circulated to members."

Saya meminta, Tuan Yang di-Pertua, untuk menerangkan sama ada apa-apa Rang Undang-undang telah dibentangkan di atas meja Dewan untuk Bacaan Kali Kedua esok petang oleh kerana jika tidak, esok petang tidak ada apa-apa Rang Undang-undang untuk dibahaskan.

Saya menghadapi kekeliruan sama ada saya akan mempunyai masa yang cukup untuk memeriksa dan mengkaji undang-undang jika ada bagi perbahasan petang esok.

Timbalan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat yang ke berapa, Ahli Yang Berhormat?

Tuan Sim Kwang Yang: 53 (2).

Timbalan Yang di-Pertua: 33 (2)?

Tuan Sim Kwang Yang: 53 (2)—"No Bill shall be read a second time until it has been circulated to members."

Seperti yang saya maklum sekarang tidak ada apa-apa Rang Undang-undang yang telah diedarkan kepada

Ahli-ahli Yang Berhormat untuk perbahasan petang esok, tetapi saya ingin meminta, Tuan Yang di-Pertua untuk confirm sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum memutuskan tentang perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching, saya menempohkan Dewan ini sehingga pukul 5.00 petang.

Saya menempohkan Dewan Persidangan ini sehingga pukul 5.00 petang.

Persidangan ditempohkan pada pukul 4.50 petang,

Persidangan disambung setnula pada pukul 5.04 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Mesyuarat bersidang semula.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Mohd. Adam): Tuan Yang di-

Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini ditangguhkan sehingga hari Isnin, 21hb Oktober, 1985 mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1).

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa mesyuarat ini ditangguhkan sehingga hari Isnin, 21hb Oktober, 1985, hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini ditangguhkan sehingga hari Isnin, 21hb Oktober, 1985, mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1).

Timbalan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pada hari Isnin, 21hb Oktober, 1985, pukul 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.05 petang.